



# LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

## BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA

Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur

**YANG DI PERTUA:**

DATUK Sr HAJI AMRAN BIN HAJI MOHD MAJID  
CQS, FRISM, DPSM, PPT

**PENDAFTAR:**

Sr JAMISAH BINTI IBRAHIM, CQS  
MRISM

**SETIAUSAHA:**

Sr Dr. WAN AZLINA BINTI HAJI IBRAHIM, CQS  
MRISM



( 080 ) dlm.KKR/LJBM/003(A) Jld.1 – 23/10/2023  
November 2023

### Firma Perunding Ukur Bahan

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### PERKARA : KENAAN LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) bersama-sama dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) menerusi beberapa siri perbincangan dan mesyuarat telah mencapai kata sepakat untuk memohon pengecualian pembayaran levi ke atas sub-sektor professional yang melibatkan ketiga-tiga Lembaga tersebut.

3. Permohonan pengecualian ini telah dikemukakan kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Kementerian Kerja Raya pada 28 Disember 2022. Sesi perbincangan lanjut telah diadakan di Mesyuarat Pengurusan Tenaga Kerja Binaan pada 14 Februari 2023 di antara YB Menteri Kerja Raya dan YB Menteri Sumber Manusia. KSM telah meneliti permohonan tersebut dan maklumbalas daripada KSM adalah perluasan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612) adalah **tidak bercanggah** dengan mana-mana peruntukan atau Akta khusus untuk mana-mana industri atau profesion yang mengawal selia latihan kerana Akta 612 tidak mengenakan syarat latihan, sebaliknya mengenakan levi untuk digunakan bagi kegunaan latihan.

4. Seterusnya pihak KSM menjelaskan Akta 612 mempunyai agenda nasional dan selaras dengan kuasa Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang diperuntukan di bawah Seksyen 5(b) – (f) Akta 612 iaitu PSMB mempunyai kuasa

**PENDAFTARAN & TEKNOLOGI MAKLUMAT**

- Firma & Consultant QS: 603 - 26108140
- Professional QS & QS Technologist: 603 – 26107987
- Provisional QS: 603-26108147
- Teknologi Maklumat & Sistem ReQSys: 603-26108147

**KOMUNIKASI KORPORAT & KEWANGAN**

- Kewangan: 603-26108142
- Perolehan: 603-26107999
- Sumber Manusia: 603-26107809
- CPD: 603-26107809

**PROFESSIONAL STANDARD**

- Akreditasi: 603-26107803
- Peperiksaan & APC: 603-26107987
- Tatasusila/ Skala Fi & Amalan / Akta & Hubungan Antarabangsa: 603-26107803

untuk menentukan tatacara dana tersebut digunakan, tertakluk kepada Seksyen 22(2)(a) – (f) Akta yang sama. Ia adalah termasuk penyediaan pembiayaan untuk latihan kepada majikan, penyedia latihan dan persatuan majikan termasuk pekerja yang telah diberhentikan atau mana-mana bahagian masyarakat yang lain, atas arahan YB Menteri Sumber Manusia.

5. Merujuk kepada seksyen 1(2) Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001, seksyen tersebut menyatakan:

*“Akta ini hendaklah terpakai bagi kelas majikan dalam industri yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama”.*

6. Merujuk kepada “PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2021” adalah didapati perintah ini berkuatkuasa pada 1.3.2021. Dalam hal ini adalah didapati menurut pindaan Jadual Pertama tersebut, Industri yang terlibat turut merangkumi Industri Pembinaan, Perkhidmatan dan Profesional.

7. Sehubungan dengan itu Perunding Ukur Bahan sebagai Majikan turut terlibat dalam Pindaan Jadual Pertama tersebut. Memandangkan pihak Kementerian Sumber Manusia telah memutuskan peluasan pemakaian Akta adalah tidak bercanggah dengan mana-mana Akta khusus yang lain, maka kenaaan levi sebagaimana seksyen 14(1) Akta 612 ini adalah terpakai kepada semua perunding ukur bahan sebagai majikan.

8. Maklumbalas dan ulasan daripada pihak KSM tersebut telah dibentangkan di mesyuarat Lembaga Bil. 4 pada 21 September 2023 dan LJBM mengambil maklum bahawa tiada pengecualian pendaftaran dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad kepada firma perunding ukur bahan seperti yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

~~DATUK Sr HAJI AMRAN BIN HAJI MOHD MAJID~~  
~~CGS, FRISM, DPSM, PPT~~  
Yang DiPertua  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia  
AMM/eah/aka